

24/07/1997

Menggiatkan sektor pertanian dan IKS

SEPANJANG Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995), sektor pertanian berkembang pada kadar dua peratus setahun. Peratusan ini lebih rendah daripada sasaran yang dipinda iaitu 2.1 peratus. Antara punca kemerosotan yang dikenal pasti oleh kerajaan ialah kekurangan buruh, kepupusan sumber pertanian, kekurangan tanah yang sesuai dan harga rendah komoditi tertentu. Kekangan itu jelas menghalang pembangunan sektor berkenaan walaupun usaha dan program yang diatur selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN) digiatkan manakala peruntukan sumber kewangan yang diperuntukkan mencukupi.

Dalam kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) pula, perlu kita akui kegiatan menghasilkan jumlah barangan perantara adalah terhad dan tiada penghasilan bagi industri yang lebih besar. Jelasnya ia menggambarkan rangkaian IKS kita tidak kukuh dan meluas dalam sektor pembuatan. Kajian yang pernah dibuat menunjukkan hanya 20 peratus IKS terbabit dalam kegiatan subkontrak. Kegiatan itu ketara bagi sektor kecil automotif, keluaran elektrik dan elektronik dan makanan.

Berikutan peralihan ekonomi Malaysia ke arah negara perindustrian dan wujud kelemahan struktur alam sektor pertanian, pendekatan yang lebih strategik mesti dilaksanakan dan diamalkan bagi memampankan pertumbuhannya. Ini juga tidak terkecuali bagi IKS. Kita berpendapat strategi pembangunan IKS dalam abad mendatang perlu menekankan pembentukan rangkaian di antara IKS dan industri yang lebih besar serta menembusi pasaran eksport. Kita percaya untuk tujuan itu langkah meningkatkan lagi penyediaan infrastruktur perindustrian dan skim pinjaman mudah untuk membantu perkembangan serta pemodenan IKS mesti dibuat. Di samping itu program sedia ada seperti pembangunan vendor, pemasaran bersepadu dan skim kilang bimbingan perlu diteruskan tetapi memerlukan kajian keberkesannya setiap tahun.

Bagi pertanian, tumpuan pembangunan adalah dalam bidang yang mempunyai daya saing dan menawarkan pulangan ekonomi yang lebih tinggi. Selain menggalakkan peningkatan penyertaan swasta secara berskala besar terutamanya dalam pengeluaran komoditi makanan, orientasi semula kaedah pengeluaran untuk meningkatkan daya saing dalam konteks suasana pasaran yang lebih liberal, perlu diperkemas. Usaha juga termasuk mempercepatkan penggunaan teknik penjimatan buruh, mekanisasi dan automasi dengan tujuan meningkatkan pengeluaran di samping mengurangkan pergantungan kepada buruh asing.

Usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) juga mesti dipergiatkan terutamanya dalam kegiatan hiliran untuk meningkatkan industri berasaskan pertanian dan menghasilkan lebih banyak barangan keluaran akhir.

Kita percaya pendekatan sebegini sangat perlu dan mungkin kritikal terutama ketika negara mengalami masalah kekurangan gunatenaga tempatan. Kita yakin atas sebab inilah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bercadang memperkenalkan satu pendekatan baru dalam sektor pertanian dan IKS. Langkah itu selain meningkatkan kecekapan, akan mengurangkan pergantungan terhadap pekerja asing. Menurut Perdana Menteri, pendekatan baru yang akan diperkenalkan itu adalah berdasarkan pengalamannya ketika melawat beberapa negara, termasuk Jepun dan England sepanjang tempoh percutian selama dua bulan.

Rakyat berterima kasih kepada Perdana Menteri yang amat peka dan sensitif dengan perkembangan dua industri ini. Beliau tidak hanya

meletakkan landasan awal untuk membolehkan Malaysia muncul sebagai negara perindustrian, sebaliknya menyusun mekanisme untuk mencapainya termasuk kegiatan pertanian yang semakin dianggap tidak penting oleh sebilangan kita. Kita yakin kegiatan pertanian jika digarap dengan IKS untuk menghasilkan barangan akhir, ia masih mampu memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan pendapatan rakyat.

Menurut Dr Mahathir, beliau akan mengadakan perbincangan dengan kementerian terbabit mengenai usaha itu. Kita berharap semua pihak yang akan turut serta, memberikan komitmen tinggi bagi menjayakan pendekatan itu. Jika ada keperluan agensi atau badan yang mengawal selia kegiatan itu disusun semula bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya, ia perlu dilakukan tanpa banyak masalah demi kebaikan industri itu dan mereka yang terbabit dengannya. Kita mahu perubahan yang akan dibuat menerusi pendekatan baru yang dicadangkan oleh Dr Mahathir itu dapat mempelopori dan menjadi mercu tanda kepada zaman peralihan sektor pertanian dan IKS untuk memasuki alaf baru.

(END)